

UM (HsKa) (Anggaran) Kerjaya

Pusat akademik Jerman di UMP

5/1/11
ms 26

KUANTAN 4 Jan. – Universiti Malaysia Pahang (UMP) mewujudkan Pusat Akademik Jerman dan Kerjaya (GACC) bagi menyelaraskan semua aktiviti melibatkan pengajian program kejuruteraan Jerman di universiti itu.

Majlis perasmian pusat tersebut dilakukan oleh wakil Duta Besar Republik Federal Jerman, Andreas Lang diiringi Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim baru-baru ini.

Menurut Daing Nasir, penubuhan GACC akan terus memperkasa agenda pengantarabangsaan UMP terutamanya dalam menjalinkan hubungan kerjasama dengan universiti Hochschule Karlsruhe Und Wirtschaft (HsKA) di Jerman.

“Selain menyelaraskan aktiviti pelajar, GACC turut membantu pelajar dalam mempelajari bahasa Jerman, pengajian program kerjasama Dwi Ijazah (UMP-HsKA) dan pembangunan kerjaya mereka,” katanya ketika berucap pada pembukaan pejabat GACC di UMP, Gambang.

Katanya, UMP menjalinkan hubungan baik dengan industri dan syarikat dari Jerman bagi membantu pelajar mendapatkan peluang kerjaya mereka apabila tamat pengajian kelak.

“Kerjasama dengan HsKA dalam pengajian program berkenaan dapat memberi manfaat dalam melahirkan jurutera yang berdaya saing (kompeten) dan memenuhi kehendak industri pada masa kini,” ujarnya.

Daing Nasir berkata, UMP juga dijangka akan menawarkan program ijazah berkembar dalam bidang Automotif tahun ini dan rundingan masih dijalankan dengan pihak HsKA.

“Pengajian ijazah berkembar ini adalah hasil kerjasama UMP dan HsKA yang menandatangani memorandum persefahaman sempena Forum Universiti-Industri 2010 Jun lalu,” tambahnya.

Pelajar lepasan program itu bakal memperoleh dua ijazah yang diiktiraf dari Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) sebagai badan professional yang mengiktiraf program kejuruteraan di Malaysia dan pihak Washington Accord di Jerman.

Tambahnya, program ijazah kejuruteraan ini juga mendapat kerjasama daripada pihak GMI-German A Level Preparatory Programme (GAPP) dan International Education Centre (Intec, UiTM).